

# Kerajaan lebih tegas beri kontrak, lesen, AP

Hanya individu, syarikat berkebolehan layak diberi peluang: PM

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Suhaila Shahrul Annuar dan Fahmy A Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Perdana Menteri menegaskan, kerajaan kini tidak sewenang-wenangnya menganugerahkan sebarang kontrak, lesen dan permit import (AP) kepada syarikat atau individu yang tiada keupayaan.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, apabila peluang berkenaan diberi sewenang-wenangnya, ada yang mengambil kesempatan menyalah guna dan menia-siakannya.

Beliau berkata, justeru, kerajaan kini lebih tegas dan teliti dalam membuat saringan atau memilih syarikat mahupun individu yang benar-benar layak, untuk dianugerahkan sebarang kontrak, lesen dan AP bagi mengelakkan pembaziran.

"Kita utamakan keputusan lebih daripada peluang. Dulu banyak peluang dicipta dan dibazirkan. Umpamanya kalau kita bagi kontrak kepada orang yang tidak ada kemahiran, kerana kita mahu bagi banyak kepada kumpulan itu, dia cuma jual (kontrak, lesen dan AP) saja.

"Sekarang ini kita tak benar jualan apa-apa kontrak, lesen atau AP daripada kerajaan.

"Lesen kerajaan atau AP tak boleh dijual kepada sesiapa, sebaliknya kita akan tentukan kontrak, lesen dan AP diberikan kepada orang yang layak.

"Kalau tak layak, kita akan beri latihan kepadanya sehingga dia layak.

"Kalau tak layak, tak ada duit

dan kemahiran, tak tahu berniaga, tiba-tiba diberi perniagaan, itu tak akan capai matlamat.

"Kali ini tiada lagi penjualan kontrak," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Jemaah Menteri Mengenai Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030 di Pejabat Perdana Menteri, semalam.

Perdana Menteri berkata, Mesyuarat Khas Kabinet yang berlangsung hampir tiga jam, turut

*"Lesen kerajaan atau AP tak boleh dijual kepada sesiapa, kita akan tentukan kontrak, lesen dan AP kepada orang yang layak."*

*Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri*

menyentuh mengenai Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Beliau berkata, fungsi TVET akan menjadi pemacu penting untuk diterapkan sebagai kemahiran setiap pekerja di negara ini, sambil menegaskan ia bakal menjadi keutamaan dalam bajet akan datang.

"Peranan TVET penting untuk bekal kemahiran kepada pekerja kita. TVET adalah keutamaan, maka bajet kita bagi tekanan kepada keutamaan," katanya.

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata semangat Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030 akan diterapkan dalam Bajet 2020, dengan memberi keutamaan kepada sektor tertentu, terutama membitkan TVET atau latihan kemahiran.

Beliau berharap, ia akan dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan untuk diperhalusi dalam Bajet 2020.